

KEMALANGAN PERIBADI
BERKUMPULAN

STUDENT PROTECTION PA



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



Apakah itu Student Protection PA?

Kemalangan bukanlah sesuatu yang dirancang, namun perbelanjaan adalah sebaliknya. Kami boleh membantu dalam memberikan peluang kepada anak-anak anda untuk menikmati detik-detik berharga di dalam pembelajaran mereka di samping melindungi mereka sekiranya berlaku kemalangan. Student Protection PA dari Generali ialah sebuah Insurans Kemalangan Peribadi Berkumpulan yang menyediakan perlindungan paling komprehensif kepada para pemimpin masa hadapan dengan kos yang berpatutan. Ia adalah perlindungan untuk generasi masa hadapan yang menawarkan perlindungan 24 jam di seluruh dunia.

CIRI-CIRI UTAMA YANG UNIK



a. Perlindungan 24 jam di seluruh dunia



b. Meliputi semua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah



c. Pampasan untuk kematian berkaitan denggi



d. Elaun sekolah atau yuran pengajian



e. Sinseh atau rawatan tradisional



f. Manfaat prostesis / kerusi roda



JADUAL MANFAAT

MANFAAT		PELAN	Jumlah Perlindungan Setiap Pelajar (RM)		
			P10	P20	P30
1	Kematian Akibat Kemalangan		15,000	20,000	30,000
2	Kehilangan Upaya Kekal Akibat Kemalangan		50,000	50,000	100,000
3	Kematian Disebabkan Kemalangan ketika Menaiki Pengangkutan Awam*		T/B	20,000	30,000
4	Kematian Disebabkan Kemalangan di Dalam Kawasan Sekolah*		T/B	20,000	30,000
5	Manfaat Ihsan Kematian		1,000	2,000	2,000
6	Pampasan Kematian Akibat Denggi		10,000	10,000	10,000
7	Lanjutan Disebabkan Penculikan		T/B	20,000	30,000
8	Elaun Pendidikan		T/B	20,000	25,000
9	Elaun untuk Sekolah / Yuran Pengajian		T/B	200	400
10	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan		2,000	3,000	4,000
11	Rawatan Gigi Akibat Kemalangan		T/B	250	500
12	Elaun Tunai Hospital**		50	100	100
13	Bayaran Ambulans**		100	150	250
14	Sinseh atau Rawatan Tradisional**		T/B	250	250
15	Manfaat Prostesis / Kerusi Roda		T/B	1,000	1,000
16	Elaun Perjalanan**				
	a) Hospital Kerajaan		T/B	50	100
	b) Hospital Swasta		T/B	25	50
Premium Tahunan Setiap Pelajar (RM) (Tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10 Duti Setem. Kebolegunaan duti setem dan sebarang cukai adalah tertakluk kepada undang-undang semasa negara Malaysia.)			10	20	30

* Sebagai tambahan kepada Faedah Kematian Akibat Kemalangan

** Penghospitalan atau perkhidmatan di Malaysia sahaja

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak merangkumi kematian atau sebarang kecederaan / kehilangan upaya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana perkara yang berikut:

- Keadaan tidak waras, membunuh diri atau cubaan membunuh diri (samada ketika waras atau tidak waras), kecederaan sengaja ke atas diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya.
- Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan / atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Acquired Immune Deficiency Syndrome atau AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (AIDS Related Complex atau ARC) atau Jangkitan Virus Kurang Imun Manusia (Human Immunodeficiency Virus Infection atau HIV).

3. Kecacatan kongenital, kecacatan fizikal yang sedia ada atau kelemahan atau kecacatan mental.
4. Pembunuhan atau serangan provokasi, pendedahan secara sengaja kepada bahaya kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia.
5. Semasa menaiki pesawat sebagai anak kapal, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam kapal terbang komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang.
6. Semasa menyertai sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
7. Semasa menyertai mana-mana sukan profesional.
8. Seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk payung terjun dan geluncur angin, aktiviti bawah air melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal.
9. Perlumbaan (selain berjalan kaki), perentak perlumbaan, ujian kelajuan atau keandalan.
10. Menunggang / memandu tanpa lesen yang sah. Ini tidak akan terpakai sekiranya Pihak Diinsuranskan mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah perangkaan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.
11. Berada di bawah pengaruh dadah kecuali ubat-ubatan yang diambil mengikut preskripsi dan arahan Pegawai Perubatan (tetapi bukan untuk rawatan pemulihan penagihan dadah).
12. Peperangan, pencerobohan, tindakan keganasan negara asing, permusuhan (samada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa, mogok atau kekacauan awam.
13. Sehubungan dengan berikut:
 - a. Sinaran ion atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear akibat dari pembakaran bahan nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berterusan.
 - b. Bahan-bahan senjata nuklear.

Nota: Senarai di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

TERMA DAN SYARAT

Kepentingan pendedahan:

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu dan relevan mengenainya untuk Kami membuat keputusan dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan sebarang perkara di mana seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut dijangka untuk mengetahuinya.

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berhati-hati untuk tidak membuat kenyataan yang salah ketika menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insuran ini). Anda harus menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil perhatian yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan tersebut boleh mengakibatkan pengelakkan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan seperti di atas adalah berterusan sehingga tempoh kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh Kami.

Selain daripada menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini), anda diwajibkan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda ketahui relevan untuk Kami membuat keputusan dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya semasa kontrak insurans anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh Kami mengenai sebarang info atau maklumat yang terkandung di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) tidak tepat atau mempunyai perubahan.

Anda harus mematuhi dan memenuhi Terma dan Syarat serta Endorsmen/Klausula/Waranti kontrak polisi ini.

Tempoh Menunggu

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran polisi. Anda berhak mendapatkan pengembalian pembayaran premium penuh ditolak dari sebarang tuntutan atau perbelanjaan yang dikenakan oleh Kami dalam penerbitan Polisi, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

Waranti Premium

Premium harus dibayar dan diterima oleh Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak perlindungan ini akan dibatalkan secara automatik dan anda masih akan bertanggungjawab untuk membayar bahagian premium untuk tempoh selama Kami menanggung risiko.

Had Umur

Pelajar harus berumur di antara tiga (3) tahun dan dua puluh satu (21) tahun pada masa permohonan dibuat.

Cukai Kerajaan

Anda bersetuju untuk membayar Kami sebarang cukai atau caj yang dikenakan oleh kerajaan berkenaan dengan pelaksanaan dan penghantaran polisi ini.

Had Pengangkutan

Liabiliti maksimum bagi setiap kenderaan sekiranya sebilangan Pihak Diinsuranskan menaiki sebuah pesawat biasa atau kenderaan pengangkutan di jalan raya atau kapal di permukaan air akan dihadkan kepada RM10,000,000.00 atau sehingga jumlah yang diinsuranskan, mana-mana yang lebih rendah. Sekiranya jumlah agregat yang perlu dibayar melebihi jumlah tersebut, Kami akan menyelesaikan tuntutan Pihak Diinsuranskan secara berkadar.

Tuntutan

Anda harus mengemukakan tuntutan bersama-sama maklumat dan dokumen sokongan kepada Kami dan memberikan kerjasama yang penuh kepada Kami untuk memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

Generali Insurance Malaysia Berhad

197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.



www.generali.com.my



1 300 13 2121 atau +603 3007 2121



customer.service.gi@generali.com.my



Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Student Protection PA. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami terus untuk keterangan lanjut.